

**MAIPk.(BP) A603/656/3**



**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

---

**PEKELILING DALAMAN MAIPk BILANGAN 2 TAHUN 2015**

---

**KEMUDAHAN CUTI URUSAN KEMATIAN AHLI  
KELUARGA TERDEKAT BAGI PEGAWAI KONTRAK  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan menjelaskan kelayakan dan kaedah pelaksanaan peraturan mengenai kemudahan Cuti Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bagi pekhidmat kontrak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk).

**LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini Pehidmat Kontrak MAIPk yang kematian ahli keluarga terdekat perlu mengambil cuti rehat bagi menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan kematian ahli keluarga berkenaan. Selaras dengan hasrat

mengutamakan keluarga (family first), MAIPk telah bersetuju memberikan cuti bagi menguruskan kematian ahli keluarga terdekat selama tiga hari sebagai cuti tanpa rekod.

3. Kemudahan yang diberikan dalam pekeliling tersebut adalah adalah hasil perbincangan dalam Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 1/2015 bertarikh 30 Mac 2015. Mesyuarat MBJ telah memutuskan cuti urusan kematian ahli keluarga terdekat diberikan tiga (3) hari, dipanjangkan juga kemudahan tersebut kepada Pekhidmat Kontrak di MAIPk.

#### **PEMAKAIAN**

4. Pihak Pengurusan MAIPk telah membuat keputusan menerima keseluruhan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2002 tersebut seperti berikut -

- a. kemudahan ini boleh diberi selama tiga hari sebagai cuti tanpa rekod kepada anggota Perkhidmatan Awam untuk menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan dengan kematian ahli terdekat;
- b. ahli keluarga terdekat bermaksud suami atau isteri, anak-anak serta ibu dan bapa kandung kepada anggota berkenaan;
- c. cuti hendaklah bermula pada tarikh kematian ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga terdekat meninggal dunia selepas waktu pejabat;
- d. tempoh cuti ini termasuk semua hari rehat dan hari kelepasan am; dan
- e. kemudahan ini adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.

5. Anggota yang menggunakan kemudahan ini hendaklah mengemukakan dokumen asal pengesahan kematian ahli keluarga terdekat kepada Unit Rekod, Bahagian Khidmat Pengurusan, MAIPk untuk tujuan rekod.
6. Pekeliling Dalaman MAIPk ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2002 .

### **TARIKH KUATKUASA**

7. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 April 2015.**

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

  
**(DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED)**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

**16 Jun 2015**

### ***Salinan kepada***

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)

Semua Pengurus Besar

- PT
- Perkhidmatan
  - Perjawatan
  - Rekod
  - Sumber Maklumat (HRMIS)

Fail Timbul

**“PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI”**